

Orang ramai dijemput jayakan Tamu Gadang UMS 2014

UB 11.11.2014 B6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi akan mengadakan Tamu Gadang bermula 19 hingga 24 November 2014 sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-16.

Menurut Prof Emeritus Dr Ahmad Adam, mantan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, nama Tamu Gadang merupakan hasil gabungan dua perkataan iaitu ‘temu’ dan ‘gedang’.

Perkataan temu yang disebut tamu itu membawa maksud pertemuan orang ramai di sesebuah tempat dalam bentuk pasar bagi menjalankan aktiviti bertukar barang, membeli

belah dan berjual beli serta jualan seperti Tamu Besar Kota Belud, Tamu Gaya, Tamu Tuaran dan Tamu Keningau.

Manakala perkataan gedang yang disebut sebagai gadang bermaksud besar. Maka, gabungan dua perkataan itu memberi maksud tamu yang besar, dan dalam konteks UMS pula Tamu Gadang diadakan khusus untuk meraikan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian di UMS dalam Majlis Konvokesyen UMS.

Menurut Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, pengurusan majlis Tamu Gadang kali ke-16 itu lebih bermakna lagi kepada seluruh warga

UMS kerana tanggal 24 November 2014 adalah hari ulangtahun UMS ke-20.

Katanya, majlis yang akan diadakan di Padang Kawad UMS itu akan dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun (Dr) Haji Juhar Haji Mahiruddin selaku Canselor UMS.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Madya Dr Ismail Ali selaku penganjur majlis Tamu Gadang berkata, pelbagai aktiviti akan diadakan termasuk persembahan artis-

artist terkenal tanahair seperti Dato' Nash (Lefthanded), Elizabeth Tan, Alis Satar, Azlan (Typewriter), Farhan (AF), Mellay (SAKURA), Davi (AF) dan tidak kurang-

nya juga artis-artis UMS sendiri.

Katanya, selain persembahan nyanyian, pertandingan orang terkuat, sukan dan permainan, pameran oleh

pelbagai agensi kerajaan dan swasta, gerai-gerai makanan dan aktiviti mahasiswa:

Oleh demikian, Harun dan seluruh warga Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

(HEPA) mengalu-alukan kehadiran semua lapisan masyarakat untuk memeriahkan program tahunan itu.

“Tamu Gadang diadakan



PERSEMBAHAN oleh pelajar UMS sempena majlis perasmian Tamu Gadang.

untuk mendekatkan lagi hubungan antara UMS dengan masyarakat tempatan sekali gus memeriahkan pelbagai aktiviti pada tahun ini,” katanya.